

10/11/2001

Komisyen pengusaha stesen minyak tidak naik: PM

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan tidak dapat menaikkan komisyen kepada pengusaha stesen minyak sebanyak empat sen bagi setiap liter kerana kenaikan itu terlalu tinggi, iaitu 60 peratus.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ini kerana dalam Belanjawan 2001 kerajaan menaikkan harga petrol dan diesel sebanyak 10 sen seliter atau lapan peratus.

"Mereka boleh memohon komisyen dinaikkan, tetapi jangan memberi alasan kerana ia disebabkan kenaikan harga petrol.

Harga petrol dinaikkan selepas kerajaan mengurangkan subsidi.

"Mereka mungkin mempunyai alasan lain dan mereka juga perlu atasinya," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Pusat Penyelidikan Islam (IRC) dan perisian al-Quran Al-Murshid di Muzium Kesenian Islam, di sini hari ini.

Al-Mursyid menggabungkan teknologi Compaq iPAQ Pocket PC dengan perisian unik yang direka dan dibangunkan oleh Frazer-Nash Research dengan kerjasama Islamic Research Centre Ltd.

Beliau mengulas permintaan Persatuan Pengusaha-Pengusaha Stesen Minyak Malaysia (PDAM) yang mahu komisyen setiap liter bagi petrol dinaikkan sebanyak empat sen.

Naib Presiden PDAM, Abu Samah Bachik, dilaporkan berkata persatuan itu berharap kerajaan akan menunaikan janji untuk menyelesaikan isu kenaikan komisyen sebelum akhir tahun ini.

Abu Samah berkata, kerajaan mengambil masa terlalu lama untuk menaikkan komisyen sebanyak empat sen bagi petrol dan dua sen bagi diesel.

Komisyen yang diterima ahli PDAM sekarang ialah 6.18 sen seliter bagi petrol dan 2.27 sen untuk diesel. Kali terakhir komisyen itu dinaikkan sebanyak satu sen pada 1994.

(END)